

CNS6763

R GB 20-04 00188 BA411

REPEAT bah

Mahathir - Kereta

PERTANDINGAN REKA CIPTA KERETA KONSEP GALAK PEREKACIPTA TEMPATAN

SHAH ALAM, 20 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan menganjurkan pertandingan mereka cipta kereta konsep bertujuan meningkatkan keupayaan industri automobil negara supaya akhirnya Malaysia tidak perlu bergantung kepada negara lain.

Perdana Menteri berkata pertandingan itu yang mungkin boleh dimulakan tahun depan, akan menonjolkan kebolehan pereka cipta Malaysia dan memberikalalakan supaya mereka berusaha dengan lebih berminat.

"Ini kita harapkan menolong meningkatkan keupayaan membuat reka bentuk dan kejuruteraan kereta di Malaysia supaya akhirnya kita tidak perlu bergantung kepada negara-negara lain," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Bangunan Penyelidikan dan Pembangunan Proton di sini hari ini.

Beliau berkata hadiah berbentuk wang dan hadiah lain akan diberikan dan sebuah badan penganjur akan ditubuhkan manakalah hakim-hakim pertandingan akan terdiri daripada pakar daripada industri automobil dan universiti.

Katanya, pertandingan itu bukan sahaja terhad kepada Perusahaan Otomobil Nasional (Proton) tetapi terbuka kepada semua badan, syarikat dan institusi yang terlibat dengan industri automotif serta universiti yang mempunyai kursus reka bentuk dan kejuruteraan automotif. -- Lagi.

▼20/04/20-33MST

CNS6399

U GB 20-04 00200 BA414

bah

Mahathir - Kereta 2 Shah Alam

Dr Mahathir berkata walaupun kelak Malaysia mempunyai keupayaan sendiri dalam bidang itu dan tidak perlu bergantung kepada luar, kerjasama dengan negara-negara lain tetap ditcruskan.

Ketika menjelaskan mengenai kereta konsep itu, beliau berkata ia merupakan model yang cuba membayangkan bentuk kereta untuk zaman akan datang sama ada untuk lima atau 10 tahun ke hadapan, yang diilhamkan oleh pemikiran para pereka cipta.

Kereta yang dikeluarkan kelak akan mengambil ilham dan mempunyai unsur-unsur daripada kereta konsep itu walaupun ia semestinya sama seperti kereta konsep itu. Ideanya bol eh timbul dari situ dan disesuaikan dengan selera pembeli dan pengguna.

"Mereka boleh memhnat model kereta konsep ini bukan terhad kepada model kecil tetapi juga model penuh dan mungkin juga model yang boleh digunakan," katanya.

Dr Mahathir berkata kereta konsep yang diterima (pada pertandingan itu) nanti boleh dipakai untuk semua kereta walaupun mungkin Proton membuat reka bentuk keretanya. Syarikat lain serta universiti boleh mencipta kereta konsep mengikut idea masing-masing.

Ketika menjawab soalan, Dr Mahathir berkata seawal tahun depan pun pertandingan itu boleh dianjurkan kerana Malaysia telah mempunyai kebolehan untuk mereka cipta bentuk dan kejaruteraan kereta. -- Lagi.

▼20/04/16-14MST

CNS6404

U GB 20-04 00211 BA415

bah

Mahathir -- Kereta 3 (Akhir) Shah Alam

"Seperti manakita lihat di sini (dikilang Proton) mereka sudah boleh membuat lukisan, mengalihkan lukisan itu kepada pelan, blueprint dan boleh membuat model tanah liat, model kayutan model plastik... semua ini kita telah punyai kebolehan," katanya.

Ketika ditanya lebih lanjut, Perdana Menteri berkata Universiti Teknologi Malaysia dan Institut Teknologi Mara yang mempunyai kursus kejuruteraan automotif juga boleh mengambil bahagian di samping pereka cipta lain yang berminat dan mempunyai idea.

Ketika berucap sebelum itu, beliau berkata wang yang dibelanjakan untuk menghasilkan kereta konsep bukanlah pembaziran tetapi satu pelaburan yang wajar bagi mempertingkatkan kecekapan jurutera automotif di negara ini sama ada daripada industri atau akademik.

"Satu cara yang digunakan oleh industri automotif untuk meningkatkan kecekapan penyelidikan dan pembangunan dan memberangsangkan penyelidik dan pereka cipta ialah dengan mereka cipta kereta konsep," katanya sambil menambah bahawa Proton perlumemberikan galakan kepada kereta konsep ciptaan bahagian penyelidikan dan pembangunannya.

Dr Mahathir berharap cadangan pertandingan itu akan mendapat sambutan hangat semua pihak.

Beliau berkata kerajaan juga berhasrat untuk menyokong perkembangan industri automotif dengan menyediakan kemudahan ujian pada masa akan datang yang boleh digunakan oleh semua yang terlibat dalam industri pengangkutan.

-- Bernama

MNY NMO.